

## Perimbangan Sarana Sintesis dan Analitis Bahasa Melayu/ Indonesia Secara Sinkroni dan Diakroni

ALIEVA NATAL'YA FYODOROVNA

### PENDEKATAN UMUM

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menganalisis ciri khusus struktur BMI [singkatan untuk Bahasa Melayu/Indonesia- editor] dengan mempertimbangkan peranan dan sarana analitis dan sintesis dalam sistem kedua-dua bahasa itu.

Kami berharap setelah BMI diperikan secukupnya dengan cara deskripsi bertingkat, baik yang tradisional atau moden, peranan dan sarana analitis dan sintesis ini akan memberi pandangan baru untuk menganalisis aspek tipologi dan struktur BMI nanti. Aspek yang dibabitkan itu dapat dianalisis dari berbagai sudut: bagaimana sifatnya dan semantik sarana-sarana itu berfungsi, apakah peranannya dalam susun atur nahu dan leksika BMI dan apakah ciri khusus BMI berbanding dengan bahasa lain.

Dalam linguistik umum yang menyusul teori E. Sapir telah dibincangkan oposisi antara tipe analitis dan sintesis dengan bahasa itu juga diperikan sebagai bahasa analitis atau sintesis. Pendekatan saya berbeza daripada sikap tradisional itu, kerana yang hendak diterapkan di sini adalah ciri sintesis dan analitis dalam struktur satu bahasa sahaja, yakni BMI. Kedua-dua sarana itu mempunyai fungsinya dalam sistem BMI, sekaligus menjadikan kesinambungan itu sifat khusus pada BMI. Saya tidak menggunakan istilah "isolatif" yang mengemukakan hal tiadanya sarana untuk menyatakan relasi antara kata-kata dalam ayat. BMI yang mempunyai kategori yang menyatakan relasi sedemikian, yakni diatesis dan ketransitifan bervariasi, maka pentakrifan "analitis" adalah didapati lebih sesuai.

Isu perimbangan sintetisme itu nampaknya adalah persoalan yang sangat abstrak. Ia boleh dianggap tidak mempunyai makna dalam kehidupan sehari-hari, malahan tidak ada nilai praktikal dari sudut pembelajaran bahasa. Walaupun tidak memberi makna kepada kehidupan orang sehari-hari, tetapi ia mempunyai peranan besar dalam perkembangan sejarah bahasa itu dalam sejarah bangsanya, selain mempunyai peranannya dalam perkembangan politik dan sosio-ekonomi masyarakat, lebih-lebih lagi untuk menjadi bahasa negara yang unggul dan lain-lain tujuan pragmatis yang boleh diduga.

Aspek yang akan disinggung khusus dalam makalah ini ialah masalah isomorfisme (kesamaan material) daripada tingkat morfologi dan tingkat sintaksis dalam struktur bahasa.

Dalam menggambarkan struktur BMI, sudah diketahui umum ciri sintesis dan analisisnya. Namun, masih banyak perhatian diberi pengkaji kepada aspek sintesis, termasuk imbuhan, penggandaan, penggabungan morfem / kata / klitik. Sebaliknya, tidak banyak perhatian diberi kepada sarana analisis. Aspek itu bukan sahaja belum dikaji secara sistematik, malahan masalahnya juga belum pernah dikemukakan. Kalau demikian, maka untuk melakukan analisis itu haruslah berdasarkan pengetahuan yang pernah dilakukan ke atas susun atur bahasa lain seperti Cina atau Indocina. Namun demikian, harapan kami dalam makalah ini ialah analisis sarana analisis BMI dapat dilakukan dengan selengkap mungkin. Sehubungan itu, beberapa langkah ke arah itu sudah kami lakukan sebelum ini (Alieva 1985; 1988a; 1989a; 1991a; 1991b).

Selanjutnya perlu dijelaskan bahwa ada dua istilah “analitis / sintesis” dan “isolatif / non-isolatif”. Yang kami maksudkan itu mungkin tidak sama dengan yang dipakai ahli tipologi lain. Oleh sebab morfologi dalam nahu BMI berperanan lebih banyak untuk menyatakan hubungan antara predikat-aktant, yakni relasi sintaktis, maka adalah jelas bahawa makna istilah “isolatif” yang selalu dipakai secara umum itu adalah tidak tepat.

Apakah yang membezakan sarana analisis daripada sarana sintesis? Kiranya sarana sintesis dibina daripada unit sintesis, yakni perkataan yang terdiri dari dua atau lebih morfem, tetapi sarana analisis pula dibina daripada unit-unit analisis, yakni rangkaian yang terdiri dari dua atau lebih kata. Beginilah takrifan kami tentang unit sintesis dan unit analisis berdasarkan konsep morfem dan konsep kata. Morfem ada yang terikat dan ada yang bebas. Morfem terikat itulah unit morfologi, sementara morfem bebas berfungsi sebagai kata bebas, yakni unit sintaksis. Sehubungan itu, kata adalah unit bebas, walaupun berbeza maknanya serta fungsinya: leksis penuh, leksis pengganti (kata ganti), leksis + fungsi tugas (kata bantu), tiada makna leksis + fungsi tugas (kata tugas).

Semua unit sintesis boleh jadi dengan cara menggabungkan dua atau lebih morfem. Ini paling ketara dalam sarana imbuhan dengan morfem penuh diikat dengan pelbagai morfem imbuhan dan juga pada sarana pengulangan. Lihat jenis unit sintesis seperti di bawah ini:

1. kata terbitan berimbuhan di dalam susunannya mempunyai sekurang-kurangnya satu morfem terikat yang tidak bermakna leksis dan tidak dapat digunakan sebagai kata;
2. kata ganda (ulangan) yang bermacam-macam bentuknya: ulangan penuh, ulangan sebahagian, ulangan bervariasi (dengan perubahan susunan fonetik pada morfem asal);
3. kata majmuk yang dalam susunannya terdapat satu morfem atau kata terikat bermakna leksis (satu-dua unit);
4. kompleks nahu yang berupa rangkaian dengan komponen ganti namanya tidak bebas, yakni proklitik **ku-**, **kau-** yang merujuk kepada persona agens / aktor + bentuk berawalan kosong daripada kata kerja transitif.

Selanjutnya, unit analitis berlaku pada tingkat sintaksis dengan cara menggabungkan dua kata penuh. Sebagai terasnya, kami menganggap rangkaian beranggota dua yang terdiri daripada dua patah kata dengan hubungannya ditentukan valensi leksis atau valensi leksis-nahu. Valensi leksis membina kelompok kata dalam sintaksis dan kata gabungan dalam leksika. Valensi nahu atau leksis nahu yang dipunyai sepatah kata penuh itu menarik kepadanya sepatah kata yang berfungsi sebagai pemarah nahu sehingga timbul satu jenis unit sintaktis nahu lagi yang kami takrifkan sebagai kompleks nahu.

Unit tersebut serta gejala yang berkaitan dengannya itu akan dianalisis di bawah dari sudut struktur dan tipologi dengan mempertimbangkan kesinambungan antara kedua-duanya.

Oleh sebab dalam berbagai bahasa gejala biasa itu ada fenomena yang kurang jelas wataknya, malahan yang bersifat perantaraan (transitif), maka kami akan memberi perhatian kepada fenomena itu.

Satu lagi masalah yang perlu dikaji berhubung dengan sarana analitis yang memainkan peranan nahu ialah selain sarana analitis yang eksplisit (kelihatan), ada lagi sarana analitis yang implisit (tersembunyi). Wujudnya unit tugas dan bantu seperti kata sendi, termasuk kata “yang”, kata sambung, kopula, artikel, pemarah kompleks nahu, ada peranan untuk menyatakan secara eksplisit relasi sintaktis antar-kata dan makna nahu tambahan pada sepatah kata. Cara pernyataan eksplisit itu berposisi dengan cara implisit, iaitu menyatakan relasi atau maknanya dengan tidak ada sarana materi, melainkan dengan urutan kata. Urutan kata itu wujud dalam pola sintaktis, selain berkaitan dengan kelas kata yang harus dipakai sebagai inti dalam setiap pola rangkaian itu. Bersama-sama urutan kata itu adalah suatu sarana yang memainkan peranan yang sangat penting di samping sarana eksplisit.

Makna dan relasi nahu yang diwujudkan dengan bantuan sarana implisit itu biasanya dapat dibuka dengan cara transformasi tambahan, yakni dengan dimasukkan unit eksplisit seperti kata tugas dan kata bantu, atau dengan memakai imbuhan kata kerja yang berubah valensinya. Cara transformasi itu kami pergunakan, misalnya, di bawah ini dalam menganalisis teks secara statistik kuantitatif supaya ia membuka perimbangan objektif antara sarana eksplisit dan implisit yang ada dalam teks yang berkenaan.

#### GAMBARAN TEKS BMI SECARA KUANTITATIF UNTUK MEMBANDINGKAN SUSUN ATURNYA SECARA SINKRONIATAU DIAKRONI

Perimbangan Analitisme dan Sintetisme Dirujuki dengan Data Statistik  
Penghitungan statistik atas dasar metode tipologi kuantitatif yang dikemukakan Greenberg (1960) itu telah membawa kepada keupayaan untuk membina gambar objektif perimbangan pemakaian bermacam-macam sarana dalam bahasa dan

wacana. A. Ogloblin pernah melakukan penghitungan semacam ini ke atas teks-teks BI [Babasa Indonesia – editor] dalam rangka projek studi tipologi komparatifnya di Leningrad (1985). Selanjutnya, N. Kasyanova dalam tesisnya (1985) telah melakukan banyak penghitungan, menurut metode itu juga, ke atas teks-teks BM [Bahasa Melayu – editor] klasik dan moden (hasilnya akan kami sebut di bawah).

Ogloblin telah mengadakan penghitungannya menurut Greenberg dalam dua contoh teks BI yang masing-masing mengandungi lebih daripada 100 kata patah kata. Hasilnya, beliau mendapatkan dua angka indeks: indeks sintetisme  $M/W = 1.59$  dan  $1.42$  dan indeks analitisme (purata jumlah kata tugas dan kata bantu kepada jumlah kata  $W$ )  $= 0.34$ .

Tentang cara pemakaian metode Greenberg yang dibuat A. Ogloblin itu boleh dikatakan bahawa beliau terikat kepada pekerjaan kolektif dengan rakan-rakannya yang membabitkan berbagai bahasa. Akan tetapi, diri Greenberg pernah mengakui bahwa penghitungan semacam di atas itu sebenarnya memberi hasil mengenai perimbangan unit-unit kata dalam teks yang tertentu, sedangkan struktur nahunya itu hanya merujuk secara tak langsung sahaja. Oleh sebab itu, Greenberg telah mengusulkan untuk menghitung satu indeks lagi - *index of constructional isolation*, iaitu purata berdasarkan jumlah konstruksi isolatif (analitis) terhadap jumlah umum kaitan gramatikal (*grammatical nexus*).

Dalam linguistik Rusia telah lebih lazim dipergunakan pengertian “gramem” atau sem nahu, iaitu pengertian paling luas dari unit tingkat nahu bahasa. Sem nahu, yakni ramen itu boleh didapati daripada paradigma bentuk morfologis, misalnya, dalam BMI paradigma diatesis aktif - pasif - medial kata kerja transitif. Secara analogi, gramem itu didapati daripada paradigma rangkaian analitis. Misalnya, dari paradigma kompleks nahu bermakna kategori masa, modalitas, fase dan lain-lain. Dalam BMI, ada beberapa oposisi privatif lagi yang meliputi dua bentuk, dengan yang satu dengan pemarkah eksplisit (sintetis atau analitis) dan yang lain itu dengan pemarkah zero. Oposisi privatif sedemikian itu berisikan gramem aspek / aspektualitas, diatesis, kausatif, kebersamaan, resiprokal dan jamak. Masalah ini akan dihurai selanjutnya di bawah ini.

Sudah tentu, sebarang andaian dan pemahaman subjektif tidak dapat dielakkan dalam soal membezakan makna apa yang gramatikal dan apa yang tidak gramatikal. Namun, ini tidak menghalang pemerian gejala dalam mana-mana bahasa, walaupun mungkin menjadi halangan dalam kerja membandingkan banyak bahasa yang berlainan strukturnya.

Sekarang boleh kita lihat bagaimana metode hitungan dengan mengambil kira jumlah gramem yang dapat dipakai pada teks yang konkrit. Pertama perlu dilakukan penghitungan pada sebuah kutipan teks yang kami anggap sebagai contoh bahasa Melayu standard dari “Pendahuluan” buku “Rekonstruksi dan Cabang-cabang bahasa Melayu” (Rek: VII). Senarai tanda dan judul teks-teks yang dipakai sebagai bahan itu telah diberi di akhir buku itu.

Indeks sintetisme menurut Greenberg:  $M / W = 223 / 160 = 1.393$ . Jumlah gramem yang dinyatakan secara sintetis dengan imbuhan dan ulangan  $S = 26+3=29$  (imbuhan derivatif tak dihitung). Jumlah sarana analitis eksplisit, yakni kata tugas dan kata bantu (partikel **-lah**, **-pun** tak dihitung)  $AE = 29+10=39$ .

Sarana implisit yakni urutan kata bersifat aneksi  $AI=57$ .

$29+39+57= 125$  - inilah angka jumlah gramem.

Dengan menghitung purata bilangan setiap sarana terhadap jumlah gramem **Gr** itu , maka akan didapat indeks ynag berikut:

sarana sintetis..... $S / Gr = 29:125 = 0.232$ ;

sarana analitis eksplisit ..... $AE / Gr = 39:125 = 0.312$ ;

sarana analitis implisit ..... $AI / Gr = 57:125 = 0.456$ ;

sarana analitis umum ..... $A / Gr = 96:125 = 0.768$ .

Jumlah indeks  $S / Gr + A / Gr = 0.232 + 0.768 = 1.000$

seperti yang seharusnya.

Dalam kutipan dari lain-lain teks, jumlah gramem ke atas jumlah kata itu berbeza sesuai dengan struktur teksnya. Misalnya, purata gramem ke atas jumlah kata semakin rendah semakin banyak dalam teks itu ada kalimat dan kata-kata yang berdiri sendiri, seperti interjeksi dan kata sisipan.

Penghitungan seperti di atas telah kami lakukan pula pada kutipan dari lain-lain teks: sastera klasik Melayu (*Hikayat Si Miskin* dan *Sejarah Melayu*), dan sastera Melayu moden (*Rimba Harapan* oleh Keris Mas); dalam BI telah diambil tiga teks yang berlainan larasnya: gaya percakapan biasa (*Auk* oleh Arswendo), gaya berciri Jawa, kaya dengan sarana nahu (*Sekayu* oleh Nh.Dini), gaya ilmiah yang juga cukup rumit dan memakai banyak sarana nahu yang berlainan (makalah Soenjono Dardjowidjojo). Hasilnya yang telah dibincangkan dengan data yang

Jumlah sarana pada masing-masing teks									
Bil.	Simbol	Si Miskin	S. Mel	Rek	KMR	SD	Dini	Auk	Poe
1.	W	248	185	160	187	114	151	175	106
2.	M	312	246	223	222	159	221	223	151
3.	Der	21	29	28	13	27	45	21	27
4.	M/W	1.258	1.330	1.393	1.187	1.394	1.465	1.247	1.474
5.	S	45	26	29	26	23	51	24	60
6.	A	153	99	96	142	65	131	86	61
7.	AE	67	48	39	57	34	69	38	45
8.	AI	86	51	57	85	31	62	48	16
9.	Gr	198	125	125	168	88	182	110	121
Indeks-indeks statistik kekerapan									
10.	S/Gr	0.227	0.208	0.232	0.155	0.262	0.280	0.219	0.495
11.	AE/Gr	0.338	0.384	0.312	0.339	0.386	0.379	0.345	0.371
12.	AI/Gr	0.434	0.408	0.456	0.505	0.352	0.341	0.436	0.125
13.	A/Gr	0.773	0.792	0.768	0.845	0.738	0.720	0.781	0.505

Rajah 1.1.

dikumpulkan itu boleh dilihat dan dibanding pada Rajah 1.1. di bawah ini:  
Tanda-tanda dan maknanya:

W	- jumlah kata dalam kutipan teks.
M	- jumlah morfem dalam kutipan teks
Der	- pengimbuhan derivatif
M/W	- indeks sintetisme bahasa menurut H. Greenberg
S	- jumlah sarana nahuan sintetis
A	- jumlah sarana nahuan analitis
AE	- jumlah sarana analitis eksplisit
AI	- jumlah sarana analitis implisit
Gr	- jumlah gramem - makna nahuan tersendiri
S/Gr	- indeks sarana sintetis terhadap jumlah gramem
AE/Gr	- indeks sarana analitis eksplisit
AI/Gr	- indeks sarana analitis implisit
A/Gr	- indeks sarana analitis umumnya

Semua data dan indeks yang diberikan dalam rajah tersebut boleh diterima sebagai contoh sahaja kerana hasil yang memuaskan itu mungkin didapat hanya dari kutipan yang lebih panjang. Ahli linguis, Viktor Krupa, cukup jelas merujuk statistik yang berhubungan dengan sintetisme dan analitisme dapat bervariasi benar, malahan dalam kutipan dari satu teks, bergantung dari panjangnya (Krupa 1965; 1966).

Meskipun ada kekurangan dan kelemahan dalam cara statistik itu, namun cara itu telah memberi juga keupayaan untuk membina gambar yang agak objektif dalam perbandingan wacana dalam satu bahasa dengan yang lain. Jika kita tidak mempunyai data statistik itu, kita hanya dapat, seperti zaman dahulu, memberi deskripsi dengan kata-kata seperti “banyak - sedikit, lebih - kurang, kerap - jarang”.

Pada pandangan kami, data Rajah tadi telah mengizinkan kita melihat bezanya antara pelbagai teks BM moden, BM klasik dan BI. Perlu diingat bahawa metode kami itu agak khusus kerana ia berdasarkan hitungan jumlah gramem, dan bukannya unit leksis umum.

Ahli Rusia N.Kasyanova sudah banyak melakukan penghitungan statistik ke atas pelbagai teks Malaysia dengan mencontohi metode Greenberg itu, seperti juga A. Ogloblin yang telah disebut tadi. Data Kasyanova itu merujuk kepada indeks sintetisme M/W (morphemes / words) cukup berlainan. Untuk gaya percakapan biasa, indeks ini lebih kurang 1.2; untuk gaya surat khabar dan majalah moden, 1.76; dalam BM moden berbanding dengan BM klasik, indeks pemakaian imbuhan nominal bertambah 25%., Seterusnya kekerapan dipakainya konfiks itu bertambah banyak kali, yang bererti banyaknya penurunan kata nama abstrak. Tetapi, pemakaian imbuhan nahu verbal (diatesis dan ketransitifan) itu sudah berkurang 8% (Kasyanova 1981). Hasil itu tidak dapat tidak dipandang sebagai bukti bahawa susun atur dalam BM moden semakin menjauhi tipe struktur

AN yang asli. Ini sesuai dengan kesimpulan umum yang dibuat A. Ogloblin dari kajiannya ke atas evolusi susunan bahasa rumpun Melayu - Jawa, yang diutarakan seperti yang berikut: “Segala tendensi evolusi bahasa2 Melayu-Jawa di seluruh kawasannya mengakibatkan berdekatan strukturnya dengan bahasa2 Asia Tenggara di benua. Haluan sedemikian diakibatkan oleh daya inersia evolusi sendiri, akan tetapi kontak2 dengan bahasa2 monosilabik dan isolatif di benua mempercepat evolusi demikian. Maka itu tendensi2 tersebut lebih kentara di kawasan Nusantara Barat iaitu di Semenanjung Melaka dan di sebagian Sumatera, sedang kurang banyak buktinya terdapat di kawasan Timur yakni di Jawa dan Madura” (Ogloblin BR-1988: 29).

## EVOLUSI STRUKTUR DAN GAYA DALAM BAHASA INDONESIA

Berhubung dengan gambaran tersebut, boleh kita lukiskan pada garis umum evolusi struktur dan gaya dalam bahasa Indonesia, baik pada sinkroni ataupun diakroni. Dalam mengkaji perimbangan struktur antara sintesis dan analisis dalam BI, perbezaan antara pemakaian bentuk dari sudut sosiolinguistik itu perlu diberi perhatian.. Yang dimaksudkan adalah:

- a. gaya bahasa surat khabar, majalah dan teks ilmiah;
- b. gaya bahasa kesusasteraan moden - mulai dari tahun 30-an abad ke-20;
- c. laras bahasa percakapan setempat yang dipengaruhi bahasa daerah.

Belum boleh dikatakan bahawa di Indonesia, seperti di Malaysia, sudah ada bahasa percakapan umum rasmi dan standard; ada dialek setempat yang kebanyakannya lebih kurang sudah kehilangan struktur sintesis yang dimiliki BI tulisan baku, dan hasil yang sedemikian boleh dianggap sebagai fenomena universal dalam situasi percampuran bahasa. Sudah tentu, analitis dialek percakapan itu dapat juga mempengaruhi bahasa baku. Akan tetapi peranan BI sebagai bahasa rasmi, bahasa makro kenegaraan yang banyak mengambil hati dan mengerahkan usaha baik daripada pihak pemimpin negara, sasterawan, ilmuwan, dan bermacam-macam organisasi rasmi dan sosial dan juga akhbar yang kesemuanya daripada mula pergerakan anti-kolonial dengan penuh sedar berikhtiar untuk memajukan dan menyempurnakan bahasa Indonesia sebagai bahasa kesatuan untuk seluruh negara (sudah tentu ada ide masing-masing tentang apa yang dimaksudkan sebagai kemajuan dan kesempurnaannya). Banyak daripada mereka itu sedia mengorbankan kepentingan bahasa ibunya sendiri demi perkembangan bahasa kesatuan Indonesia, yakni bahasa Melayu, dan korban yang terbesar telah dipersembahkan oleh suku bangsa terbanyak, bangsa Jawa, diketuai Tjokroaminoto, Sukarno dan pelopor lainnya.

Kami tidak mengkaji kekayaan perbendaharaan kata, sebab tema kami adalah mengenai struktur nahu. Di bidang ini banyak telah diusahakan di Indonesia tentang penciptaan pola penurunan kata, baik yang berkompposisi secara baru

daripada imbuhan asli, atau dengan unsur serapan. Antara yang terakhir dan yang banyak dirasmikan pemakaian unit yang berasal daripada bahasa Sanskrit dan Arab adalah seperti *siswa - siswi, seniman - seniwati, ilmu - ilmuwan - ilmiah*; begitu juga banyak digunakan bentuk kata-kata daripada Eropah, seperti *forma - formal - formalisme, ekonomi - ekonomik - ekonomis*.

Untuk menjadikan kata itu bermakna abstrak, maka telah dipergunakan komposisi imbuhan asli yang telah dirumitkan secara bertingkat. Misalnya:

*keberangkatan < ke[ber(angkat)]an,*  
*keterbelakangan < ke[ter(belakang)]an,*  
*berkepribadian < ber[ke(pribadi)]an.*

Bila makna kata yang sama itu boleh dinyatakan dengan kata dasar atau kata turunan, maka dalam gaya percakapan telah dipakai kata dasar. Dalam gaya tulisan - kata turunan, misalnya kata nama: *marah ~ kemarahan*, kata kerja: *marah pada ~ memarahi, dimarahi*.

Dalam buku pelajaran BI telah diberi rumus pemakaian tiga pola kata kerja kausatif: dengan awalan **per-**, akhiran **-kan**, dan konfiks **per-...-kan**, pada hal dalam dialek daerah biasanya terdapat satu sahaja (paling sering ada **per-** atau variasinya **pa- / pe- / par- / pag-**).

Boleh dikatakan bahawa ada tendensi untuk memperkaya morfologi BI, baik di bidang penerbitan unit leksis atau pada pola morfologi nahu. Tendensi untuk memperkaya morfologi serupa itu sudah tentu lebih terasa dalam gaya bahasa tulisan rasmi, sastera, kewartawanan, ilmu, sambil semakin tinggi darjahnya dengan perkembangan pembelajarannya di sekolah. Proses ini terutamanya aktif pada dekad terakhir abad ke-20 ini berkaitan dengan proses diperkokohnya kesatuan negara Indonesia pada umumnya.

## PERPADUAN CIRI-CIRI ANALITISME DAN SINTETISME DALAM BMI

Berhubung dengan kajian ke atas proses peralihan dalam keseimbangan sintetisme itu boleh juga disinggung soal paradigma bentuk diatesis kata kerja transitif. Paradigma ini melingkupi daripada satu segi bentuk sintetis aktif berawalan **meN-** yang berposisi di segi lain secara tidak simetrik dengan rentetan dua macam bentuk pasif: bentuk sintetis berawalan **di-** yang dipakai kalau ada aktor persona ketiga (eksplisit atau implisit), dan bentuk analitis yang terdiri daripada dua komponen, iaitu komponen inti verbal - dasar kata kerja tanpa awalan (= berawalan kosong // zero) yang didahului secara aneksi langsung oleh komponen pronominal yang bererti persona kesatu atau kedua seperti proklitik **ku-**, **kau-**, atau kata ganti penuh, atau nama prosubstantif. Sesuai dengan personanya, bentuk analitis itu disebut sebagai "Pasif 1", manakala bentuk berawalan **di-** pula disebut sebagai "Pasif 2" dalam buku pelajaran bahasa di Malaysia masa kebelakangan ini. Umumnya rumus pemakaian dua pola pasif



berkenaan secara pasti itu telah diberi dalam semua buku tatabahasa, baik di Indonesia atau di Malaysia. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa rumus ini biasanya dituruti dalam teks di Indonesia.

Namun, tidaklah begitu praktikal keadaannya di Malaysia. Di sini kata kerja transitif tanpa awalan dan kata ganti, biarpun dengan akhiran ketransitifan, ditemui dalam pelbagai teks jauh lebih sering daripada yang ditunjuk dalam rumus standard, sehinggakan soal ini perlu dibincang ahli tatabahasa secara khusus. Mungkinkah di Malaysia ada suatu evolusi dalam standard nahu?

Demikianlah mengenai BM dan BI, boleh disimpulkan bahawa bukan struktur sinkroniknya sahaja yang bersifat campuran, tetapi juga tendensi ke arah evolusi diakroniknya juga tidak berhaluan satu, kerana ada yang ke arah sintetisme, dan ada yang ke arah analitisme.

Tendensi evolusi ke arah sintetisme itu adalah hasil dari pengaruh faktor subjektif. Kegiatan yang dibuat dengan sedar untuk bahasa ini adalah sesuai dengan perannya sebagai sarana pergaulan antara ratusan suku bangsa dalam sebuah negara, maka haruslah sesuai dengan keperluan pernyataan fikiran di bidang rasmi, sosio-politik, ilmu, sastera, kesenian pada zaman baru, lebih-lebih lagi berhubung juga dengan proses globalisasi.

Sementara itu, tendensi evolusi ke arah analitis itu pula adalah hasil proses objektif sepanjang sejarah yang lama masanya yang terjadi secara spontan di kawasan seluas Asia Tenggara. Tendensi perkembangan analitis dalam BM/BI itu memperlihatkan analogi ke arah dua tipe analitis itu. Yang satu adalah analitis tipe Polinesia / Okeania, yakni bahasa keluarga AN, dengan banyak memakai klitik pronominal dan partikel tugas asal AN sebenarnya (bukan bermakna leksis). Tipe analitis yang kedua terdapat dalam bahasa di negara tetangga di kawasan Semenanjung Indocina, kebanyakannya bukan AN (Cina, Thai, Viet-Muong, Mon-Khmer), atau bahasa AN rumpun Camik. Analitis tipe Indocina ini mempergunakan kata leksis, penuh atau setengah penuh leksis, sebagai sarana bantu yang dapat melayani nahu dan penuman kata.

Dua jenis analitis dalam BM/BI itulah masalah yang seharusnya menarik perhatian ahli linguistik.

Dilihat dari sudut linguistik konvergensi wilayah, khususnya daripada konsepsi rukun bahasa (Alieva 1994), maka hasil daripada evolusi rumpun Camik itu, terutamanya bahasa Cam, ke arah susun atur analitis tipe Indocina itu dapat dianggap sebagai hasil daripada proses konvergensi wilayah yang semula jadi dan yang sepatutnya. Akan tetapi, ciri analitis tipe Indocina ini juga yang terdapat dalam BM / BI itu boleh dikira mengandungi suatu teka-teki padanya.

Dalam konteks inilah dapat diperingatkan bahawa sejak dahulu lagi sudah ada pengarang yang berminat pada hal adanya garis persamaan antara bahasa di Sumatera dan Jawa di kepulauan Nusantara, terutamanya bahasa Aceh (yang kini malah dimasukkan ke dalam rumpun Camik) dengan bahasa Austroasiatik di Semenanjung. Isu ini pernah dikemukakan J. C. H. Kern (1885, 1908a, 1908b), G.K. Nieman (1891), C.O. Blagden (1894, 1902, 1929), W.Schmidt (1906), H. K. J.

Cowan (1948), Eu. Henderson (1965), P. K. Benedict (1975, 1976), Mantaro Hashimoto (1975), H. L. Shorto (1975), P. K. Headly (1976), K. A. Adelaar (1985), M. Durie (1989) dan R. Blust (1992).

Berhubung dengan masalah evolusi bahasa tersebut, boleh diuraikan secara singkat sahaja: soal ethnogenesis (evolusi bangsa semula jadi) mengenai suku bangsa yang mempunyai bahasa Malaik. Misalnya H. Cowan pernah membincangkan soal tentang dimanakah asal usulnya daripada persamaan ciri struktur antara Aceh dan Cam dengan rumpun Mon-Khmer. Hipotesis telah diajukan beliau bahawa kedua-dua rumpun bahasa itu pernah berkontak di kawasan Indocina di zaman kuno (Cowan 1948: 490).

Ahli etnologi Rusia, N. Cheboksarov, telah menyatakan andaianannya mengenai masa hujung alaf ke-3 — mulai alaf ke-2 sebelum Masehi sebagai berikut: “Gambar migrasi suku2 pada masa itu rupanya sangat rumit sekali; jurusan perpindahan mereka berjalan silang-menyilang baik di kepulauan mahupun di Semenanjung dan benua Asia, banyak kali beredar-edar sehingga terjadi pula migrasi berbalik-balik, misalnya dari Indonesia ke Pilipina, lalu ke Indocina Timur, ke Melakka atau ke pulau Hainanh.”[Cheboksarov 1966: 46 [terjemahan N.A.].

#### MASALAH ISOMORFISME ANTARA TINGKAT MORFOLOGI DAN SINTAKSIS

Penerapan kesinambungan corak-corak sintetisme dan analitisme dalam BMI itu telah membuka satu segi lagi masalah ini. Dalam perimbangan antara pola berimbuhan dalam morfologi dan polaa rangkaian kata dalam sintaksis, struktur nahu itu memperlihatkan sejumlah ciri sistemis lagi yang bererti cukup penting daripada sudut tipologi linguistik umum.

Ciri pertamanya ialah analogi antara susun atur kata turunan dengan susun atur kompleks nahu: unsur tergantung itu menempati posisi di depan unsur inti. Dalam pola morfologi kata, imbuhan yang paling kerap dipakai ialah awalan yang berdiri di depan dasar kata. Begini pula dalam kompleks nahu kata tugas atau kata bantu yang berfungsi sebagai pemarkah yang berdiri langsung di depan kata inti. Maksudnya, kedua-dua macam struktur nahu itu sama-sama bertentangan kepada pola rangkaian kata penuh dalam sintaksis dengan preposisi kata inti dan postposisi kata tergantung (rumus D-M). Sememangnya, semua rumus itu mempunyai kekecualiannya: ada tiga imbuhan akhiran yang bertempat di belakang kata, dan ada beberapa pola rangkaian kata penuh dengan kata tergantung di sebelah kiri (kata kuantitas, penjodoh bilangan dan beberapa lagi).

Pada pendapat kami, yang dihuraikan di atas mengenai keadaan dalam BMI itu pada umumnya boleh dianggap adalah hujah tambahan kami untuk suatu konsepsi yang pernah dikemukakan mengenai wujudnya ketergantungan antara susunan pola rangkaian sintaksis dan susunan pola morfologi dalam bahasa rumpun Turki, yakni bahasa tipe aglutinatif. Konsepsi yang ditakrifkan sebagai

*frekuentalia* (bukan hukum absolut) itu dapat kiranya diperluaskan untuk diikatkan dengan lain-lain tipe struktur bahasa, walaupun dengan perubahan pentingnya.

Konsep tersebut secara umum telah dikemukakan pertama kalinya oleh Greenberg. Sementara itu, ahli linguistik Rusia di bidang turkologi, N. Baskakov, telah melanjutkan dan merumuskannya sebagai berikut: “Dalam bahasa2 Turki susunan morfologi kata secara tegas bersesuaian dengan susunan rangkaian kata dan kalimat (hukum M-D untuk atribut, komplemen di depan kata kerja yang dilengkapi, pokok di depan sebutan); dalam pengimbuhan pula susun atur morfem akar dan morfem2 imbuhan [akhiran semua - N.A] juga demikian iaitu kategori lebih abstrak ada di postposisi selepas kategori lebih konkrit: yang diterangkan ada di belakang yang menerangkan” (Baskakov BR- 1975: 38-39).

Ide N.Baskakov itu telah dikembangkan lagi oleh dua rakan beliau. Mereka menghuraikan kesimpulan: “Isomorfisme konsekwen mengarakterisasi susun atur bahasa2 Turki. Konstruksi sintaktis yang bersesuaian dengan kekhususan konstruksi morfologi perkataan terus memperkuat dan mempertahankan kestabilan susunan aglutinatif”. (Gadjieva & Serebrennikov BR-1986: 24-25). Sambil menulis tentang “isomorfisme konsekuen”, kedua-dua pengarang itu menamakan konsepnya sebagai “frekuentalia” (= yang sering terjadi), disebabkan dalam mana-mana bahasa natural tidak mungkin ada kaedah mutlak.

Dengan berteraskan konsep tersebut, kami ingin cuba terus mencari hujah tentang isomorfisme morfologi - sintaksis serupa ini dalam bahasa lain. Boleh jadi, hasil yang lebih jelas dapat kita peroleh jika kita ingin melihat perimbangan antara pengimbuhan dan urutan kata bukan daripada sudut kategori yang abstrak – tetapi yang konkrit, melainkan daripada sudut berikut. Nampaknya mungkin dalam ayat ada kata-kata yang bererti material konkrit dengan unit sem nahu yang bergabung dalam segmen secara lebih utuh dan komplit bila urutannya begini: kata inti (pertama-tama kata kerja) memiliki imbuhan di satu segi dan kata tergantung di lain segi, yakni:

- a. imbuhan awalan yang bersesuaian dengan postposisi pelengkap atau atribut, dan
- b. imbuhan akhiran yang bersesuaian dengan preposisi pelengkap atau atribut.

Fenomena a itu terdapat dalam BMI (misalnya: *Ibu membawa anak kecil; Anak kecil dibawa ibu*), sementara fenomena b itu pula terdapat dalam bahasa Turki, Mongolia serta Altaik lain.

Jikalau fakta itu dipandang sedemikian, maka keterikatan antara unit morfologi dan sintaktis itu memang telah kita saksikan. Tetapi, keterikatan itu tidaklah secara lurus dan langsung, melainkan secara yang terbalik, dan isomorfisme itu dapat ditakrifkan sebagai “isomorfisme terbalik”. Sememangnya posisi unsur itu bergantung dalam rangkaian dua kata penuh terbanding dengan unit tergantung - imbuhan dalam struktur morfologi kata turunan atau pemarkah nahuan, termasuk kata depan preposisi, dalam kompleks nahuan.

Dalam BMI ada

*urutan progresif dalam sintaksis:* D - M buat kata nama, kata kerja + atribut atau kata kerja + pelengkap ;

*urutan regresif di tingkat perkataan:* M - D buat awalan + dasar kata, proklitik pronominal + dasar kata kerja atau pemarkah nahuan + kata leksis .

Dalam bahasa Turki ada

*urutan regresif dalam sintaksis:* M-D buat atribut + kata nama atau pelengkap + kata kerja (posisi sebutan biasa pada akhir kalimat);

*urutan progresif di tingkat perkataan:* M - D buat dasar kata + akhiran, kata nama + kata tugas postposisi, kata nama + enklitik pronominal.

Rumus - atau boleh diandai 'corak dominanta'? - "isomorfisme terbalik" ini lain2 wujudnya dapat dilihat dalam bahasa yang berbagai-bagai tipe strukturnya.

BMI dan Turki (Altaik) boleh diandaikan sebagai contoh dua tipe berposisi daripada implikasi dominanta 'isomorfisme terbalik'. Tipe Turki, atau Altaik itu patut disebut sebagai 'tipe pertama', seperti yang dipersoalkan sebelum ini. Jadi, tipe Melayu nombor kedua. Keadaan dalam bahasa Indocina sebagai Viet-Muong, Thai, Khmer, Cam yang tidak mempunyai apa-apa pengimbuhan produktif, sedangkan pada tingkat sintaksis itu telah diperlihatkan persamaan dengan BMI: rumus D-M: postposisi kata tergantung dalam kelompok kata / frasa, dan rumus M-D: preposisi terhadap kata inti daripada pemarkah nahuan yang kebanyakannya berupa kata leksis dengan sekedar ciri deleksikalisasi.

Bahasa Cina yang bersifat analitis pula itu banyak mempengaruhi bahasa Indocina di bidang leksika. Walaupun mempunyai struktur yang berbeza secara akariah dari Indocina, bahasa Cina tidak konsekwen dalam implikasi isomorfisme, kerana di dalamnya ada frasa verbal dengan susunan M-D dan D-M, serta di frasa nama sendi nama ada yang prepositif dan postpositif.

Bangsa yang menduduki kawasan Asia dari Jepun dan Korea di Timur, termasuk Mongolia dan sampai ke Turki di Barat, berbicara dalam banyak bahasa famili berkaitan yang oleh pakar linguist dipersatukan dalam super-famili Altaik; hampir semuanya mempunyai morfologi aglutinasi sintesis (berupa akhiran) yang sangat kaya, baik dalam nahu mahupun dalam penurunan unit leksis. Untuk bahasa Altaik justru tipe pertama "isomorfisme terbalik" yang dirujuk buat Turki di atas relevan belaka: preposisi kata tergantung dalam kelompok kata dan frasa (M-D), postposisi imbuhan akhiran dan enklitik pronominal, kata tugas postpositif (termasuk kata depan).

Untuk memperluaskan perbandingan ini, adalah menarik jika dilihat sifat bahasa Tagalog yang mewakili morfologi asli AN. Daripada sudut hipotesis isomorfisme itu, bahasa Tagalog memperlihatkan tipe struktur yang ketiga yang berbeza dari dua tipe tadi. Urutan kata di dalamnya tidak menurut rumus tertentu; kata-kata tergantung, baik yang atribut atau pelengkap nominal, posisinya agak bebas dalam ayat walaupun ada rumus tetap untuk posisi sebutan verbal pada awal ayat. Persamaannya adalah sangat banyak pola kata jadian yang aktif yang

memakai semua jenis imbuhan - awalan, akhiran, sisipan dan konfiks. Jumlah turunan dari satu morfem akar boleh melebihi seratus dan terkadang-kadang mencecah dua ratus. Mengenai rumus isomorfisme bahasa Tagalog yang aglutinatif itu boleh dibandingkan dengan bahasa Rusia yang inflektif: keduanya tidak merujuk apa-apa ketergantungan regular pada umumnya antara urutan unit di tingkat sintaksis dan tingkat morfologi.

Konsep yang diuraikan ini boleh dipandang dari satu segi lagi, yakni teori evolusi diakroni selain dipersoalkan adanya sifat isomorfisme sintaksis - morfologi bersifat langsung, seperti yang diusulkan ahli-ahli Turkologi yang dikutip sebelum ini, atau yang bersifat "isomorfisme terbalik", seperti yang telah kami coba hujahkan atas teras uraian mereka.

Jikalau kita akui susunan unit sintaktis itu serupa dengan susunan unit/kata berimbuhan morfologis, maka di sini kiranya mungkin adanya teras supaya pemarkah nahu yang berupa kata leksis itu akan berubah menjadi morfem terikat, yakni imbuhan sambil tinggal di posisi itu juga. Namun, dalam evolusi bahasa AN, termasuk yang diketahui dengan jalan rekonstruksi, fenomena peralihan unit leksis itu menjadi imbuhan, apalagi rumus peralihan seperti ini hampir tidak diketahui, meskipun dalam bahasa itu ada sebegini banyaknya jenis imbuhan. Mungkin inilah hujah tambahan lagi bahawa isomorfisme sintaksis - morfologi secara langsung itu tidak membawa hasil secara lurus dan langsung, pada hal ada "isomorfisme terbalik" yang menyebabkan proses evolusi pola-pola imbuhan itu berjalan secara rumit serta berbelok-belok.

(Sumber asal: Makalah asal dalam bahasa Rusia ini ditulis Natalia Alieva "Соотношение синтетических и аналитических средств в системе малайского/индонезийского языка в синхронии и диахронии" (Sootnoshenie sinteticheskikh i analiticheskikh sredstv v sisteme malayskogo/indoneziyskogo yazyka v sinhronii i diahronii), dalam buku: Аналитизм и синтетизм: посесивность (Analitisme dan Sintetisme Bahasa: Posesiviti) Moscow: Fond Novoe Tisyacheletie, 1998: 3-15).

Penterjemah dan Penulis: Alieva Natal'ya Fyodorovna, Ph D  
Penyelidik  
Institute of Oriental Studies RAN  
Rozhdestvenka 12  
Moscow 107031  
Russia.

Emel: [alievanf@mail.ru](mailto:alievanf@mail.ru)